

142 pelajar UMK balik kampung

Oleh [Hidayatidayu Razali](#) - Julai 16, 2021 @ 9:09pm

bhnews@nstp.com.my



Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Razli Che Razak (baju batik) ketika majlis Penghantaran Pulang Pelajar UMK, di UMK Kampus Kota, di Pengkalan Chepa, di sini. - Foto UMK

KOTA BHARU: Seramai 142 pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dihantar pulang sempena cuti akhir semester Februari 2020/2021, dengan menaiki bas dan kapal terbang,

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK, Prof Dr Razli Che Razak berkata, bagi penghantaran pulang pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)

mengambil inisiatif menyediakan subsidi pembayaran perkhidmatan sewaan bas dan tiket penerbangan berjumlah RM20,000.

Beliau berkata, pemberian subsidi itu adalah usaha UMK bagi meringankan beban pelajar untuk pulang bercuti.

"Operasi penghantaran pulang pelajar turut mendapat kerjasama Malaysia Relief Agency (MRA) Kelantan yang menyumbangkan makanan bernilai RM10,000.

"Pelepasan pulang pelajar fasa satu membabitkan seramai 142 orang ke Zon Utara iaitu Perlis, Kedah dan Perak serta Zon Timur iaitu Terengganu dan Pahang dengan empat bas manakala pelajar Sabah dan Sarawak menggunakan kapal terbang bermula semalam.

"Penuntut institut pendidikan tinggi (IPT) dibenar pulang ke rumah sempena cuti bermula Isnin lalu selaras keputusan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)," katanya pada proses penghantaran pulang pelajar di UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, di sini.

Turut hadir, Presiden MRA, Dr Rosemi Salleh.

Razli berkata, Pejabat HEPA diamanahkan untuk memastikan pergerakan pelajar UMK pulang ke rumah masing-masing dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Katanya, kaedah penghantaran pulang pelajar yang dibenarkan hanyalah menggunakan bas yang diuruskan oleh IPT, kenderaan pelajar dan penerbangan awam.

"Jumlah pelajar UMK yang dibenarkan hadir ke kampus untuk semester Februari sesi pengajian 2020/2021 adalah seramai 860 orang di ketiga-tiga kampus.

"Namun, hanya 811 pelajar sahaja yang memohon untuk pulang, selebihnya memilih untuk terus berada di kampus khususnya pelajar di UMK Kampus Jeli, yang menjalankan kerja penyelidikan dan melengkapkan tugasan makmal," katanya.

Beliau berkata, pada fasa dua iaitu 1 hingga 2 Ogos ini, seramai 254 lagi pelajar akan pulang dengan menggunakan bas, kenderaan universiti dan pelajar.

Katanya, mereka adalah pelajar yang akan balik ke kediaman yang tamat Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan pelajar yang menunggu dos kedua vaksin di UMK.